

Rancang program tangani masalah dadah

KOSMO! JUMAAT 8 DISEMBER 2017

Analisis Kosmo!

Rancang program tangani masalah dadah

SELEPAS berakhirnya Perang Dunia Pertama, Amerika Syarikat (AS) telah muncul sebagai negara yang paling berkuasa pada abad ini.

Buktinya dapat dilihat menerusi penguasaan negara yang sinonim dengan gelaran *Uncle Sam* itu dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, sosial dan ketenteraan.

Namun, di sebalik kemegahan yang dimiliki negara yang dipimpin oleh Presiden Donald Trump itu, AS akhirnya tewas dengan isu dadah.

Beberapa hari lalu, Trump mengisytiharkan epidemik opioid sebagai bencana kebangsaan. Pengisytiharan itu dibuat selepas 2.4 juta rakyatnya didapati ketagih opioid iaitu gejala dadah yang melibatkan preskripsi ubat tahan sakit seperti morfin, heroin dan dadah sintetik.

Trump nekad membuat pengisytiharan itu selepas bahana opioid bukan sahaja membunuh kira-kira 90 rakyatnya setiap hari malah turut melumpuhkan ekonominya dengan mengakibatkan berjuta-juta orang tidak dapat bekerja.

Majlis Penasihat Ekonomi AS menganggarkan krisis opioid mengakibatkan kerugian kepada ekonomi negara itu sehingga AS\$504 bilion (RM2.06 trilion) pada tahun 2015. Jika sebuah negara kuasa besar seperti AS kini bergelut mencari penyelesaian terhadap isu dadah apatah lagi bagi sebuah negara kecil dan sedang membangun seperti Malaysia.

Isu berkenaan sudah berakar umbi di negara ini sejak awal tahun 1970-an lagi sehingga dianggap musuh nombor satu negara namun sehingga kini belum ada tanda-tanda yang menunjukkan ia akan berakhir.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Masir Kujat selepas memperkerusi Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah Peringkat negeri Kelantan 2017, Februari lalu berkata, masalah penyalahgunaan dadah dilihat semakin membimbangkan saban tahun.

Ini terbukti apabila kes penagihan dadah meningkat sebanyak 14 peratus kepada 30,847 tahun lalu berbanding 26,668 kes pada 2015.

Selain itu, kes membabitkan penagih baharu juga dikesan meningkat daripada 20,281 kepada 22,925 penagih dalam tempoh dua tahun tersebut.

Justeru, bukan suatu yang mengesankan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini mendedahkan Kabinet mengukuhkan pendekatan menerusi undang-undang yang dilaksanakan sejak sekian lama di negara ini mungkin bukan



kaedah terbaik dalam menangani isu berkenaan.

Ketika merasmikan Wacana Belia Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 itu, Najib berkata, usaha mengatasi masalah penagihan dadah dalam kalangan belia di negara ini perlu dilakukan menerusi pendekatan holistik.

Justeru, katanya, kerajaan sedang merangka Agenda Sosial Negara yang akan memasukkan inisiatif mengatasi masalah penagihan dadah dan isu lain melibatkan belia menerusi pendekatan inklusif dengan memastikan generasi muda mempunyai pekerjaan.

Apa yang pasti, dadah lebih banyak membawa kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi) serta tingkah-laku.

Sehubungan itu, tidak hairanlah mereka yang terjebak dengan najis tersebut sanggup bertindak di luar batasan sehingga ke tahap membunuh.

Tragedi menyayat hati di Pusat Tahfiz Darul Quran Itifaqiyah di ibu negara pada September lalu didakwa dilakukan oleh sekumpulan remaja bawah umur yang dipercayai berada di bawah pengaruh dadah.

Pakar kriminologi, Datuk Akhbar Satar berkata, penggunaan dadah dalam kalangan masyarakat boleh menyebabkan pelbagai masalah sosial dan jenayah yang mampu mengugut ketenteraman dan keamanan negara.

"Apa yang lebih membimbangkan ialah penggunaan dadah berkait ra-

pat dengan pelbagai jenis penyakit sosial lain seperti pelacuran, lepak dan perjudian.

"Perkara inilah yang banyak mengugut dan memudaratkan keadaan sesebuah negara sama ada dalam bidang ekonomi, sosiobudaya, politik mahupun keselamatan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau berkata, penguatkuasaan bipartisan penting namun ia hanya langkah sementara bagi mengurangkan jumlah penagih di Malaysia.

"Apa yang penting ialah pencegahan awal iaitu bermula dari peringkat kanak-kanak dan ia memerlukan penglibatan serta sokongan semua pihak seperti pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Zamri Mohd. Isa ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini berkata, beberapa tahun lalu, negara Iceland turut berdepan dengan masalah penagihan dadah dan alkohol yang tinggi dalam kalangan belia.

Namun, jumlahnya semakin berkurangan selepas pihak berkuasa melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk golongan tersebut bagi mengisi masa di samping melakukan sesuatu yang lebih berfaedah.

"Kita perlu wujudkan semula program seperti Rakan Muda yang dilihat mampu menjadi platform kepada belia untuk beriadah secara sihat di samping meneroka potensi diri.

"Selain itu, kita boleh menstrukturkan semula Program Latihan Khidmat Negara dan menjadikan ia sebagai aktiviti wajib untuk golongan belia lelaki, serta melibatkan tempoh lebih lama seperti yang dilaksanakan di Singapura.

"Mungkin ia melibatkan perbelanjaan yang tinggi namun ia berbaloi berbanding jutaan ringgit yang dikeluarkan untuk memulihkan belia yang terlibat dalam kancah najis dadah," ujarnya.